

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA



KHAIRY JAMALUDDIN (kanan) mengucapkan tahniah atas pelantikan Dr. Zaliha sebagai Menteri Kesihatan yang baharu.

KJ ucap tahniah Dr. Zaliha Menteri Kesihatan

PETALING JAYA – Bekas Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar mengucapkan tahniah atas pelantikan Dr. Zaliha Mustafa sebagai Menteri Kesihatan yang baharu.

Melalui hantaran di akaun Twitter miliknya, Khairy berkata, dengan pelantikan itu diharapkan Dr. Zaliha dapat memberi perkhidmatan kesihatan terbaik kepada masyarakat.

"Semoga berjaya dan terus

berjuang untuk sistem kesihatan awam yang cemerlang dan mendapat peruntukan yang setimpal dengan usaha gigih warga KKM (Kementerian Kesihatan). All the best!" katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah melalui akaun Twitternya berkata, Dr. Zaliha adalah wanita pertama menerajui kementerian.

"Setinggi-tinggi ucapan tahn-

ah kepada YB Dr. Zaliha Mustafa atas pelantikan sebagai Menteri Kesihatan. Semoga Allah akan mempermudahkan segala urusan pentadbiran dan pengurusan dalam meningkatkan lagi mutu perkhidmatan kesihatan negara. Bersama kita membawa perubahan," ujarnya.

Kelmanin, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan seramai 28 Menteri dilantik di bawah Kabinetnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 5
 RUANGAN : NASIONAL

Tak sampai 24 jam diumum menteri, Dr Zaliha dedah terima pelbagai cadangan tambah baik sektor kesihatan

Oleh ZULHISHAM
 ISAHAK
 JOHOR BAHRU

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa mendedahkan sudah menerima pelbagai cadangan perbaikan sektor kesihatan tidak sampai 24 jam selepas beliau diumumkan memegang jawatan itu pada Jumaat malam.

Ahli Parlimen Sekijang itu



Menteri Kesihatan dihujani cadangan

menyifatkan perkembangan tersebut sebagai petanda baik bahawa rakyat memberi perhatian besar kepada perkhidmatan kesihatan.

Menurutnya, antara isu yang perlu diberi perhatian semula ialah penempatan doktor siswazah, hala tuju pakar-pakar yang seimbang, isu perkhidmatan kesihatan yang lebih baik dan memenuhi keperluan rakyat.

"Ini termasuk isu golongan marginal, isu infrastruktur dan pelbagai keperluan kesihatan dan hospital, isu kesihatan mental serta isu perbekalan ubat-ubatan.

"Sudah pasti keutamaan terdekat adalah meneliti persiapan Belanjawan 2023 yang akan dibentang dalam sidang Parlimen bermula 19 Disember nanti. Mudah-mudahan sektor kesihatan akan diberikan peruntukan yang menyeluruh dan memenuhi keperluan," katanya dalam kenyataan pada Sabtu.

Dr Zaliha berkata, Kementerian Kesihatan amat penting kerana menjadi fokus utama rakyat khususnya pada

era pascapandemik Covid-19.

Katanya, pengalaman, kepakaran dan kecekalan penjawat awam serta pakar-pakar perubatan sudah pasti amat diharapkan agar sektor kesihatan di negara ini mampu bersaing dengan negara maju.

Beliau menyifatkan lantikannya sebagai satu amanah yang besar.

"Memegang portfolio kesihatan adalah sesuatu yang dekat di hati saya," ujar beliau.



DR ZALIHA